

## SIARAN MEDIA

CBMR-5-RFI-28-CGSO-V1

**UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

### **SASARAN PENTING NEGARA DI LINDUNGI**

*Seminar Sasaran Penting Peringkat Kebangsaan yang di anjurkan khas untuk  
Pengurusan Keselamatan Perlindungan Sasaran Penting*

**Kuala Lumpur (28 Oktober 2010)** – Kementerian Dalam Negeri, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) di bawah Jabatan Perdana Menteri bersama CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah bekerjasama menganjurkan Seminar Sasaran Penting Peringkat Kebangsaan 2010 yang bertemakan “Perlindungan Sasaran Penting dalam Dunia Siber - Cabaran Masa Hadapan”.

Menurut Dato' Hj Johari bin Hj Jamaluddin, Ketua Pengarah, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, “objektif penganjuran seminar ini adalah sebagai landasan bagi perkongsian ilmu di antara pihak kerajaan dan swasta dalam menambahbaik dan mengukuhkan lagi perlindungan sasaran penting Negara.”

Bertepatan dengan tema pada kali ini, pemilik dan pengendali sasaran penting Negara diingatkan agar sentiasa berwaspada dan mematuhi garis panduan serta arahan-arahan dari pihak Kerajaan. Ini disebabkan di dalam arus pemodenan serta kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT, semua maklumat yang ada kini menjadi satu aset yang berharga terutamanya kepada sesebuah organisasi.

“Oleh itu, ancaman bukan sahaja lagi tertumpu dalam bentuk fizikal, malah ianya juga dilihat semakin memberi kesan kepada sasaran penting Negara. Kini, organisasi prasarana kritikal menjadi sasaran para penjenayah siber untuk mendapatkan maklumat dan akses yang dikehendaki bagi menembusi dan menguasai sistem ICT organisasi tersebut. Jika tidak dibendung, keadaan ini akan mampu mengancam dan menggugat keselamatan negara.” kata beliau lagi.

Sehubungan itu, pada 24 Februari 2010, Kabinet telah bersetuju supaya organisasi kritikal Negara yang bergantung kepada sistem ICT diarahkan supaya memenuhi keperluan piawaian MS ISO/IEC 27001:2007 *Information Security Management System (ISMS)*. Keputusan ini amat penting bagi memastikan agar sesebuah organisasi mempunyai pengurusan sistem keselamatan maklumat yang jitu agar aspek kerahsiaan (*confidentiality*), integriti dan ketersediaan (*availability*) maklumat dapat dipertahankan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Lt. Kol. Husin Jazri (Bersara), “Pelaksanaan ISMS akan memberi panduan kepada organisasi agar mempunyai tahap keselamatan maklumat yang memenuhi standard antarabangsa. Ini akan dapat mempertingkatkan lagi persediaan organisasi-organisasi penting dalam melindungi perkhidmatan kritikal mereka daripada ancaman siber.”

Sementara itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memperkenalkan Dasar Keselamatan Siber Nasional (NCSP) pada tahun 2005. Dasar ini bertujuan menilai dan menangani risiko yang bakal dihadapi oleh sektor-sektor kritikal Negara dalam melindungi mereka dari ancaman siber. Dasar ini juga telah menggariskan pelan-pelan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam mencapai objektif tersebut termasuklah mengenalpasti langkah-langkah keselamatan siber yang tepat, membangunkan program keselamatan siber yang menyeluruh dan kerangka kerja bagi melindungi keselamatan siber Negara.

~ TAMAT ~

---

**CyberSecurity Malaysia** is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my). To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my). Follow us on social networks: [www.facebook.com](http://www.facebook.com) (“CyberSecurity Malaysia” fan page) and [www.twitter.com/cybersecuritymy](http://www.twitter.com/cybersecuritymy)

*Issued by Corporate Branding & Media Relations Department, CyberSecurity Malaysia.  
For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999,  
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or [shamil@cybersecurity.my](mailto:shamil@cybersecurity.my) /  
Sandra Isnaji (ext: 0867) or [sandra@cybersecurity.my](mailto:sandra@cybersecurity.my)*

## **INPUT UNTUK SIARAN AKHBAR SEMINAR SASARAN PENTING 2010**

- Tajuk : Seminar Sasaran Penting Peringkat Kebangsaan 2010
- Tarikh : 28 Oktober 2010 (Khamis)
- Anjuran :  
1. Kementerian Dalam Negeri  
2. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri  
3. CyberSecurity Malaysia
- Objektif : Landasan perkongsian ilmu dan cabaran terkini dalam menangani ancaman fizikal dan siber.
- Tema : Perlindungan Sasaran Penting Dalam Dunia Siber - Cabaran Masa Hadapan
- Sasaran Peserta : Pemilik dan pengendali prasarana kritikal Negara (Sasaran Penting) di Malaysia
- Bil Peserta : 300 orang
- Perasmi : Y.B. Dato Seri Hishammuddin bin Tun Hussein Menteri Dalam Negeri
- VIP :  
1. Y Bhg. Dato' Sri Mahmood bin Adam  
Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri,  
(Pengerusi, Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting)
2. Y.Bhg. Dato' Hj Johari bin Hj Jamaluddin  
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
3. En Husin bin Jazri  
Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia

### **Maklumat ringkas seminar:**

Seminar Sasaran Penting Peringkat Kebangsaan 2010 bertemakan “Perlindungan Sasaran Penting dalam Dunia Siber” merupakan anjuran bersama di antara Kementerian Dalam Negeri, Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (CGSO) dan CyberSecurity Malaysia. Seminar dan mesyuarat ini menyasarkan penyertaan pemilik dan pengendali prasarana kritikal Negara dan memfokuskan mengenai perkongsian ilmu serta arahan dan trend terkini dalam perlindungan prasarana kritikal Negara dari aspek Keselamatan Siber.